MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Kestabilan kewangan domestik terus terpelihara

Sistem kewangan Malaysia terus berdaya tahan meskipun ketidaktentuan meningkat pada suku ketiga. Pasaran kewangan domestik terus berdaya tahan serta berfungsi dengan teratur, manakala institusi kewangan yang kukuh dan mudah tunai sistem perbankan yang lebih daripada mencukupi terus menyokong pembiayaan kepada perniagaan dan isi rumah. Sentimen pelabur yang mudah terjejas dijangka berterusan dalam tempoh terdekat, dengan prospek penentuan semula harga terhadap risiko terus mempengaruhi sentimen. Namun, sistem kewangan domestik dijangka kekal stabil. Ini disokong oleh penampan kewangan institusi kewangan yang kukuh, tumpuan yang berterusan terhadap pengambilan risiko yang berhemat, terutamanya dalam kalangan bank-bank, dan kedalaman pasaran kewangan domestik.

Keupayaan membayar balik hutang oleh peminjam mampan

Pembiayaan terkumpul oleh bank-bank mencatat pertumbuhan lebih sederhana pada 9.7% pada akhir suku ketiga, seiring dengan perkembangan dalam ekonomi benar. Keupayaan membayar balik hutang oleh sebahagian besar peminjam kekal kukuh, dengan nisbah pinjaman terjejas bersih tidak berubah pada 1.2%. Kemungkiran, seperti yang diukur oleh pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan, juga terus stabil pada 2.2% daripada jumlah pinjaman. Dalam industri insurans, dedahan kredit, terutamanya dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang swasta, kekal tidak berubah pada 4.1% daripada jumlah modal yang tersedia.

Keadaan guna tenaga yang stabil menyokong daya tahan kewangan isi rumah. Paras jejas nilai keseluruhan pinjaman bank yang diberikan kepada sektor isi rumah setakat ini terus berada pada paras yang rendah iaitu 1.1% daripada jumlah peminjaman isi rumah. Meskipun kemungkiran keseluruhan juga kekal rendah dan tidak berubah pada 1.6% daripada jumlah peminjaman isi rumah, beberapa tanda pembayaran lewat makin ketara dalam kalangan peminjam yang mempunyai leveraj yang sangat ketara kerana kos sara hidup yang lebih tinggi mula mengekang pendapatan. Peningkatan kecil kemungkiran dicatat dalam beberapa kelompok pembiayaan bagi pembelian sekuriti dan harta tanah. Walaupun paras keberhutangan isi rumah terus tinggi, pertumbuhan peminjaman isi rumah terus mengalami penurunan dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini (S3 2015: +7.6%; S2 2015: +8.3%). Paling penting, peminjaman tak bercagar oleh isi rumah terus lembap, dengan mencatat peningkatan sebanyak 3.4% (S2 2015: +3.7%).


Bank-bank secara amnya terus mematuhi piawaian pengunderaitan yang kukuh bagi peminjaman kepada isi rumah. Kira-kira separuh daripada pinjaman baharu yang diluluskan diberikan kepada peminjam yang mempunyai nisbah khidmat hutang agregat tidak melebihi 40%, manakala nisbah khidmat hutang purata bagi semua peminjaman isi rumah baharu kekal di bawah 60%. Persaingan telah mula menyebabkan beberapa pemberi pinjaman, termasuk institusi kewangan bukan bank, melonggarkan nisbah khidmat hutang bagi isi rumah dalam segmen pendapatan lebih tinggi. Meskipun golongan ini mempunyai keupayaan yang lebih untuk membayar balik hutang, Bank Negara Malaysia akan terus memantau dengan rapi bagi memastikan bank-bank melaksanakan penilaian kemampuan untuk membayar hutang yang lebih mantap apabila memberikan pembiayaan terutamanya untuk pinjaman yang melibatkan nisbah khidmat hutang yang lebih tinggi. Penampan kewangan isi rumah secara keseluruhannya kekal memuaskan, dengan aset kewangan pada paras melebihi dua kali jumlah hutang isi rumah meskipun aset kewangan isi rumah meningkat dengan lebih sederhana (S3 2015: +3.6%; S2 2015: +5%) susulan pertumbuhan deposit yang lebih perlahan dan penilaian pasaran yang lebih rendah bagi pemegangan ekuiti dan amanah saham oleh isi rumah.

Dalam sektor perniagaan, kesan penyusutan nilai ringgit dan harga komoditi yang lebih rendah setakat ini belum menjejaskan keupayaan kebanyakan syarikat Malaysia membayar balik hutang dan oleh itu, prestasi pendapatan terus positif. Perniagaan dalam industri berorientasikan eksport, terutamanya pengeluar minyak sawit mentah, telah meraih manfaat daripada hasil jualan lebih tinggi dalam keadaan harga jualan yang lebih rendah. Sebaliknya, perniagaan berorientasikan dalam negeri, khususnya dalam sektor perdagangan runcit menunjukkan prestasi yang kurang menggalakkan berbanding dengan suku sebelumnya berikutan lupusnya kesan pengguna mempercepat pembelian sebelum pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (goods and services tax, GST).

Jumlah peminjaman sektor perniagaan meningkat dengan sederhana sebanyak 2.2% pada suku tersebut (S2 2015: +1.6%) atau 11.1% pada asas tahunan. Peminjaman luar negeri oleh perniagaan juga meningkat pada kadar lebih perlahan (S2 2015: +1.1%; S1 2015: +4.5% (tidak termasuk satu terbitan besar)) pada suku itu. Ini telah mengekalkan agregat leveraj perniagaan dalam paras berhemat iaitu di bawah 50%. Secara keseluruhan, perniagaan terus berada dalam kedudukan yang baik untuk membayar balik hutang mereka. Median nisbah perlindungan faedah (interest coverage ratio, ICR) perniagaan Malaysia[3], meskipun lebih rendah pada 5.2 kali pada suku kedua 2015 (S1 2015: 6.3 kali), kekal jauh melebihi paras berhemat iaitu sebanyak dua kali menurut piawaian antarabangsa. Ini disokong pula oleh kedudukan mudah tunai yang memuaskan, dengan median nisbah semasa (aset semasa berbanding dengan liabiliti semasa) serta perlindungan tunai untuk memenuhi obligasi hutang jangka pendek terus stabil, iaitu masing-masing pada 1.7 kali dan 1.2 kali. Walaupun risiko potensi kemungkiran secara keseluruhan, seperti yang diukur oleh kebarangkalian jangkaan mungkir, telah meningkat, parasnya kekal rendah pada 0.63% (S2 2015: 0.54%).

Pertumbuhan tahunan Indeks Harga Rumah Malaysia (Malaysian House Price Index, MHPI) menurun kepada 7.8% pada suku pertama 2015 (S4 2014: +8.0%), sejajar dengan penurunan bilangan dan nilai harta tanah kediaman yang diurus niaga (masing-masing -6.4% dan -11.9%). Urus niaga yang melibatkan harta tanah kediaman berharga kurang daripada RM250,000 mencatat pertumbuhan positif, mencerminkan permintaan yang terus kukuh untuk perumahan mampu milik. Pembelian harta tanah kediaman secara spekulasi berasaskan hutang, yang diukur oleh bilangan peminjam dengan tiga atau lebih pinjaman perumahan terkumpul, mencakupi bahagian yang kecil dan stabil iaitu kurang daripada 3% daripada individu yang mempunyai pinjaman perumahan sedia ada.

Sistem Perbankan: Kualiti Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan pasaran kewangan domestik yang teratur memudahkan penentuan harga yang cekap

Aliran keluar bersih pelaburan portfolio berjumlah RM24.4 bilion pada suku ketiga (S2 2015: aliran keluar bersih sebanyak RM11.8 bilion), didorong oleh perkembangan luar dan dalam negeri. Ini memberikan tekanan hebat terhadap ringgit berbanding dengan mata wang utama. Mata wang Malaysia menyusut nilai sebanyak 14.8% pada suku ketiga dan mencatat paras paling lemah pada RM4.4725 bagi satu dolar Amerika Syarikat (AS) pada 29 September 2015. Meskipun penghindaran risiko

[3] Berdasarkan 160 syarikat yang disenaraikan dalam Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak 80% (tidak termasuk institusi kewangan) yang merangkumi 10 sektor ekonomi utama

meningkat dalam kalangan pelabur, keadaan pasaran kewangan domestik terus teratur pada suku itu. Kehadiran pelabur institusi dan institusi kewangan domestik menyokong mudah tunai dan permintaan dalam pasaran, lantas membendung turun naik yang ketara.


Dalam pasaran bon, keluk kadar hasil menganjak ke atas dengan kadar hasil MGS 10 tahun meningkat kepada 4.15% (S2 2015: 4.03%) apabila penghindaran risiko oleh pelabur meningkat. Ditambah pula oleh ketidakpastian yang wujud dalam pasaran kewangan, swap mungkir kredit 5 tahun bagi Malaysia, iaitu penunjuk risiko hutang kerajaan berdasarkan anggapan pasaran (market-perceived sovereign risk), melonjak kepada 232 mata asas (S2 2015: 137 mata asas). Konsolidasi dedahan dan pengambilan kedudukan dalam pasaran ekuiti berlaku pada suku itu, lantas menyebabkan purata ketidaktentuan FBM KLCI meningkat kepada 10.8% (S2 2015: 8.9%). Nisbah pusing ganti bulanan MGS dan FBM KLCI masing-masing meningkat kepada 14.4% (S2 2015: 10.3%) dan 2% (S2 2015: 1.8%). Mudah tunai dagangan dikekalkan, dengan spread bida-tawar untuk MGS dan FBM KLCI masing-masing tidak berubah pada 0.1% dan 0.4% daripada harga pertengahan. FBM KLCI ditutup lebih rendah pada suku ketiga, selaras dengan pasaran ekuiti serantau, pada 1,621.0 mata, dengan permodalan pasaran secara keseluruhan menyusut sebanyak 4.8% kepada RM1.60 trilion (S2 2015: masing-masing 1,706.6 mata dan RM1.66 trilion). Walau bagaimanapun, nisbah harga kepada pendapatan FBM KLCI secara amnya terus stabil pada 17 kali. Pada akhir suku itu, pemegangan bukan pemastautin mencakupi 45.6% daripada jumlah MGS terkumpul dan 23.0% daripada permodalan pasaran ekuiti (S2 2015: 48.5% dalam pasaran MGS dan 23.6% dalam pasaran ekuiti).

Keadaan mudah tunai dolar AS di dalam negeri kekal terurus. Spread swap asas mata wang silang 5 tahun mencecah 150 mata asas pada bulan Ogos, sejajar dengan pergerakan ringgit, sebelum menyusut kepada 115 mata asas pada akhir suku ketiga 2015 (S2 2015: 83 mata asas; Krisis Kewangan Global, Oktober 2008: 200 mata asas) ekoran keyakinan pelabur yang bertambah baik menjelang hujung suku tersebut.

Institusi kewangan terus berdaya tahan


Permodalan institusi kewangan kekal kukuh dan memadai untuk menampung potensi kerugian daripada perkembangan tidak menentu keadaan kewangan dan ekonomi. Bagi bank, nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1, nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal kekal jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 12.1%, 12.8% dan 14.8%. Lebih 80% daripada jumlah modal bank merupakan modal berkualiti tinggi, terdiri daripada perolehan tertahan, modal berbayar dan rizab. Nisbah kecukupan modal untuk sektor insurans juga kukuh pada 243.8% (S2 2015: 239.0%). Dari segi agregat, institusi kewangan mempunyai penampan modal berjumlah RM132 bilion (bank-bank: RM100.2 billon; penanggung insurans/pengendali takaful: RM31.8 bilion), yang boleh digunakan untuk menampung potensi kerugian daripada keadaan kredit dan pasaran yang buruk.

Sistem Perbankan: Permodalan Basel III



Sumber: Bank Negara Malaysia


Sektor Insurans: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keuntungan sebelum cukai sistem perbankan berjumlah RM7.3 bilion pada S3 2015 (S2 2015: RM7.5 bilion), lebih rendah sedikit berbanding dengan suku sebelumnya. Peruntukan lebih tinggi untuk kerugian pinjaman yang dicatat oleh beberapa buah bank bersama-sama dengan kadar deposit yang meningkat menyebabkan margin faedah/pembiayaan (selepas ditolak kos pentadbiran dan perbelanjaan terhadap peruntukan kerugian) terus menurun kepada 0.53 mata peratusan (S2 2015: 0.60 mata peratusan). Pulangan atas aset dan ekuiti masing-masing terus kukuh pada 1.2% (S2 2015: 1.3%) dan 12.6% (S2 2015: 12.7%). Dalam sektor insurans, keuntungan operasi yang dicatat oleh penanggung insurans am dan pengendali takaful am adalah lebih rendah disebabkan oleh pendapatan pelaburan yang lebih rendah pada RM556.8 juta (S2 2015: RM681.7 juta). Keuntungan pengunderaitan menyusut kepada RM69.7 juta (S2 2015: RM72 juta) disebabkan oleh kos tuntutan yang lebih tinggi dalam segmen insurans kebakaran. Prestasi penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga menjadi negatif sedikit dengan kekurangan bersih dalam pendapatan berbanding perbelanjaan sebanyak RM0.4 bilion (S2 2015: lebihan positif sebanyak RM1.8 bilion dalam pendapatan berbanding perbelanjaan). Ini berpunca daripada kerugian modal bersih lebih tinggi sebanyak RM3.1 bilion (S2 2015: kerugian modal bersih sebanyak RM1.1 bilion) susulan kerugian penilaian lebih tinggi bagi pelaburan hutang, selaras dengan kenaikan kadar hasil bon pada suku itu.

Sistem Perbankan: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Bank-bank terus mengurus secara aktif dedahan risiko pasaran susulan ketidaktentuan yang meningkat dalam tempoh kebelakangan ini. Tingkah laku pengambilan risiko institusi kewangan didapati tidak berubah. Dedahan bank kepada risiko kadar faedah dalam akaun dagangan dan risiko ekuiti terus terbatas masing-masing pada 1.4% dan 0.7% daripada jumlah modal (S2 2015: masing-masing 1.3% dan 0.8%). Kedudukan terbuka bersih pertukaran asing bagi bank lebih tinggi tetapi terurus pada 5.9% (S2 2015: 5.1%) daripada jumlah modal pada suku itu. Dedahan risiko pasaran industri insurans lebih rendah pada 12.2% (S2 2015: 13.3%) daripada jumlah modal, mencerminkan penilaian yang lebih rendah terhadap pelaburan. Risiko ekuiti, yang merupakan sebahagian besar dedahan risiko pasaran penanggung insurans, menyusut kepada 7.3% (S2 2015: 7.9%) daripada jumlah modal.


Keadaan pendanaan domestik kekal menggalakkan dan menyokong aktiviti pembiayaan meskipun aliran keluar portfolio menyebabkan KLIBOR meningkat pada suku tersebut (S3 2015: 3.74%; S2 2015: 3.69%). Agregat mudah tunai dalam sistem perbankan terus mencatat lebihan. Di bawah piawaian Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) Basel III yang diperkenalkan secara berperingkat sejak 1 Jun 2015[4], LCR sistem perbankan adalah pada 124% pada bulan Ogos 2015 (Jun 2015: 119%), dengan semua bank melaporkan paras LCR melebihi keperluan minimum pengawalseliaan semasa sebanyak 60%. Pada suku ketiga 2015, mudah tunai sistem perbankan yang ditempatkan dengan Bank Negara Malaysia, yang boleh dilupuskan untuk memenuhi keperluan mudah tunai, terus lebih daripada mencukupi pada paras melebihi RM100 bilion, dan menyediakan penampan yang kukuh terhadap aliran keluar tunai yang tidak dijangka atau kejutan mudah tunai yang buruk.

[4] Pada fasa pertama, pematuhan ditetapkan pada 60% dengan kenaikan secara berperingkat sebanyak 10% setiap tahun sehingga mencapai pematuhan sepenuhnya bermula tahun 2019

Pendanaan bank-bank sebahagian besarnya masih lagi berasaskan deposit dan dalam mata wang tempatan. Dalam kalangan bank-bank Islam, pertumbuhan deposit menjadi sederhana sejak bulan Julai susulan pengelasan semula deposit kepada akaun pelaburan selaras dengan keperluan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA). Penurunan ini berlaku berperingkat-peringkat sejak IFSA mula berkuatkuasa, disebabkan terutamanya oleh tempoh peralihan selama dua tahun yang diberikan oleh Bank Negara Malaysia. Namun, penurunan ini lebih ketara pada suku ketiga apabila tempoh peralihan luput pada 30 Jun 2015. Nisbah pinjaman kepada deposit sistem perbankan lebih tinggi pada 90.1% pada suku ketiga 2015 (S2 2015: 88.0%), berikutan kadar pertumbuhan deposit yang lebih perlahan (+5.4%) berbanding dengan pembiayaan (+10.2%). Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, bank-bank juga mula memanfaatkan pasaran bon domestik dalam usaha mengurangkan ketakpadanan mudah tunai dan kematangan menerusi terbitan kertas jangka sederhana. Pada suku itu, bank-bank terus bersaing untuk mendapatkan deposit korporat yang menyebabkan purata kos deposit untuk bank-bank meningkat kepada 2.28% (S2 2015: 2.23%).

Dedahan luaran bank-bank meningkat sederhana, seiring dengan pertumbuhan berterusan dalam operasi serantau. Pada separuh pertama tahun 2015, pertumbuhan aset luaran bank-bank (+9.1%) melebihi liabiliti luaran (+6.9%). Pada suku kedua 2015, liabiliti luaran bersih bank-bank secara amnya kekal stabil pada RM135 bilion (2014: RM131 bilion). Liabiliti tersebut terdiri terutamanya daripada penempatan deposit dan dana modal daripada entiti induk bank-bank asing yang diperbadankan di dalam negeri. Penempatan deposit jangka pendek dengan bank-bank tempatan sebahagiannya berkaitan dengan operasi pengurusan mudah tunai berpusat yang melibatkan pengumpulan lebihan mudah tunai daripada operasi perbankan luar negeri di entiti induk di Malaysia. Risiko daripada penempatan jangka pendek tersebut sebahagian besarnya diimbangi oleh peraturan yang ketat, yang menghendaki entiti perbankan mengekalkan penampan mudah tunai yang mencukupi dalam setiap bidang kuasa operasi.

Sistem Perbankan: Nisbah Perlindungan Mudah Tunai Basel III



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2014		2015		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM juta				
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	3,836	2,120	5,336	1,844	-416
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	788	760	781	682	557
Nisbah tuntutan (%)	56.8	57.5	50.3	57.4	60.1
	Perubahan Tahunan (%)				
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	18.3	4.3	66.2	-59.9	-110.9
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	10.7	-1.5	-5.2	-15.2	-29.3
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	-2.0	0.4	-4.67	0.45	3.29

Sumber: Bank Negara Malaysia